

Pharmaniaga mampu capai sasaran

SUBANG-26 Mei - Pharmaniaga Bhd. dijangka mampu mencapai sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) enam peratus bagi pertumbuhan perolehan dan 16 peratus bagi pulangan atas ekuiti (ROE), pada tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Azman Yahya berkata, sasaran itu bersandarkan kepada peningkatan jualan konsesi, jualan antarabangsa dan sumbangan daripada anak syarikatnya di Indonesia, PT Millennium Pharmed International Tbk.

"Kami akan cuba sedaya upaya meskipun berdepan dengan persekitaran ekonomi yang sukar tetapi masih yakin kerana operasi di Indonesia menyumbang 25 peratus ke atas perolehan.

"Bagaimanapun, penurunan nilai mata wang Rupiah telah memberi impak terhadap jualan antarabangsa kami," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan Pharmaniaga, di sini hari ini.

Azman juga berkata, pihaknya akan meningkatkan bilangan prinsipal (ejen pengedaran) di Indonesia dalam tempoh tiga tahun ini da-

klangnya di Puchong, Selangor. "Tahun ini amat penting kerana kebanyakan kilang yang dipertingkatkan akan memulakan operasi dengan beberapa barisan produk sedia untuk dihasilkan.

"Dalam pada itu, kami mampu memenuhi piawaian Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA) Amerika Syarikat (AS) bagi meningkatkan kualiti produk dan tahap perkhidmatan," jelasnya.

Ini bukan sahaja meningkatkan pendedaran melalui perniagaan konsesi, tambah beliau, malah meningkatkan jualan swasta, pembuatan dan mengembangkan perniagaan di peringkat antarabangsa.

Namun begitu, beliau memberitahu, Pharmaniaga akan mengurangkan pengantungan terhadap jualan konsesi yang menyumbang 55 peratus daripada jumlah dagangan.

Ditanya sama ada perniagaan konsesi akan diperbaharui berikutan tempohnya bakal tamat pada hujung tahun ini, Azman berkata, pihaknya masih berbincang dengan Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

ripada 20 prinsipal.

"Serentak dengan itu, kami akan menaik taraf seluruh rangkaian pembekalan sistem teknologi maklumat (IT) dan membina gudang-gudang baru di negara republik itu.

"Selain itu, kami sedang menilai semula kemungkinan untuk membeli sebuah kilang pembuatan di sebuah kilang pembuatan di sebabkan Indonesia merupakan pengedar terbesar kami dan adalah hasrat kami untuk mengembangkannya pasaran antarabangsa bermula dari negara itu," ujarnya.

Sehingga ini, Pharmaniaga mengedarkan sebanyak 169 produk di 30 negara dengan penguasaan pasaran sebanyak 30 peratus untuk segmen penjagaan kesihatan di Malaysia.

Sementara itu, mengulas perniagaan di Malaysia, beliau berkata, Pharmaniaga akan mengurus dengan berhemat kos pendasar serta menambah baik kecekapan operasi dengan pelaburan sebanyak RM100 juta bagi